



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 1 TAHUN 2026**

**PEROLEHAN PERUNDING SECARA AM
(PINDAAN HAD NILAI BAGI PIHAK BERKUASA MELULUS PELANTIKAN
PERUNDING DAN KUASA MELULUSKAN PELANJUTAN TEMPOH PERJANJIAN
PERKHIDMATAN PERUNDING)**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Agensi (Kementerian / Jabatan / Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan) mengenai pindaan dan penambahbaikan terhadap had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) bagi perolehan perkhidmatan perunding yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor (PPNS) Bilangan 2 Tahun 2020 telah menetapkan had nilai di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Melulus (PBM) dan kaedah perolehan perunding di Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri mengikut had nilai perolehan seperti jadual berikut:

Jadual 1: Had Nilai Kuasa Pihak Berkuasa Melulus

PBM	HAD NILAI KUASA
Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan	Kos Projek pembangunan fizikal sehingga RM5juta Kos kajian sehingga RM1 juta Kos kerja ukur sehingga RM1 juta
Jawatankuasa Tender PBT	Kos Projek pembangunan fizikal sehingga RM20 juta Kos kajian sehingga RM2 juta

PBM	HAD NILAI KUASA
Lembaga Perolehan Negeri	Kos Projek pembangunan fizikal melebihi RM20juta; Kos kajian melebihi RM2 juta Kos kerja ukur melebihi RM2juta

Jadual 2: Had Nilai Kaedah Perolehan

KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI PEROLEHAN
Lantikan Terus Beserta Kos Siling	Kos Projek pembangunan fizikal sehingga RM5juta Kos kajian sehingga RM1juta Kos kerja ukur sehingga RM1 juta
Tender Terbuka atau Tender Terbuka Pra Kelayakan	Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM5juta Kos kajian melebihi RM2juta Kos kerja ukur melebihi RM1juta

- 2.2 Namun demikian bagi mempertingkatkan keberkesanan, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik dalam sistem perolehan termasuk perolehan perkhidmatan perunding, penetapan had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus perolehan perkhidmatan perunding di peringkat Negeri Selangor yang sedang berkuat kuasa telah dikaji semula selaras dengan perubahan di dalam Pekeliling Perbendaharaan PK 3 dan keperluan semasa di peringkat Kerajaan Negeri.

3. SKOP PERKHIDMATAN PERUNDING

- 3.1 Skop perkhidmatan perunding yang dibenarkan adalah seperti berikut:
- (a) Perkhidmatan Perunding Fizikal;
 - (b) Perkhidmatan perunding projek pembangunan fizikal;
 - (c) Perkhidmatan Kajian; dan
 - (d) Perkhidmatan Kerja Ukur.

4. PIHAK BERKUASA MELULUS DAN KAEDAH PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING

4.1 Kaedah perolehan perkhidmatan perunding dan had nilai kuasa Pihak Berkuasa Melulus (PBM) di Jabatan Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah dan Tanah ditetapkan seperti berikut:

PROJEK	HAD NILAI	KAEDAH PEROLEHAN	PBM
Projek Fizikal	Kos perkhidmatan perunding fizikal sehingga RM500 ribu	Lantikan Terus Berserta Kos Siling	JK Sebut Harga
	Kos perkhidmatan perunding fizikal melebihi RM500 ribu	Tender Terbuka	Lembaga Perolehan Negeri
	Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM5juta	Lantikan Terus Berserta Kos Siling	JK Sebut Harga
	Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM5juta sehingga RM20 juta	Lantikan Terus Berserta Kos Siling	Lembaga Perolehan Negeri
	Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM20 juta	Tender Terbuka / Tender Terbuka Pra Kelayakan	
Kajian	Kos kajian sehingga RM1 juta	Lantikan Terus Berserta Kos Siling	JK Sebut Harga
	Kos kajian melebihi RM1 juta sehingga RM2 juta	Lantikan Terus Berserta Kos Siling	Lembaga Perolehan Negeri
	Kos kajian melebihi RM2 juta	Tender Terbuka / Tender Terbuka Pra Kelayakan	
Kerja Ukur	Kos kerja ukur sehingga RM1 juta	Lantikan Terus Berserta Kos Siling	JK Sebut Harga
	Kos kerja ukur melebihi RM1 juta	Tender Terbuka / Tender Terbuka Pra Kelayakan	Lembaga Perolehan Negeri

4.2 Kaedah perolehan perkhidmatan perunding dan had nilai kuasa Pihak Berkuasa Melulus (PBM) di Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri ditetapkan seperti berikut:

PROJEK	HAD NILAI	KAEDAH PEROLEHAN	PBM
Projek Fizikal	Kos perkhidmatan perunding fizikal sehingga RM500 ribu	Lantikan Terus Berserta Kos Siling	JK Sebut Harga
	Kos perkhidmatan perunding fizikal melebihi RM500 ribu	Tender Terbuka	JK Tender Agensi
	Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM5juta	Lantikan Terus Berserta Kos Siling	JK Sebut Harga
	Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM5juta sehingga RM20 juta	Lantikan Terus Berserta Kos Siling	JK Tender Agensi
	Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM20 juta	Tender Terbuka / Tender Terbuka Pra Kelayakan	Lembaga Perolehan Negeri
Kajian	Kos kajian sehingga RM1 juta	Lantikan Terus Berserta Kos Siling	JK Sebut Harga
	Kos kajian melebihi RM1 juta sehingga RM2 juta	Lantikan Terus Berserta Kos Siling	JK Tender Agensi
	Kos kajian melebihi RM2 juta	Tender Terbuka / Tender Terbuka Pra Kelayakan	Lembaga Perolehan Negeri
Kerja Ukur	Kos kerja ukur sehingga RM1 juta	Lantikan Terus Berserta Kos Siling	JK Sebut Harga
	Kos kerja ukur melebihi RM1 juta	Tender Terbuka / Tender Terbuka Pra Kelayakan	Lembaga Perolehan Negeri

7. PELANJUTAN TEMPOH PERJANJIAN

- 7.1 Pelanjutan tempoh perjanjian perkhidmatan perunding boleh diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus Asal jika perjanjian perkhidmatan perunding masih berkuat kuasa.
- 7.2 Sebarang pelanjutan tempoh kontrak setelah perjanjian perunding tamat, Pegawai Pengawal diberi penurunan kuasa tanpa had nilai untuk menimbangkan dan meluluskan pelanjutan tempoh kontrak setelah perjanjian perunding tamat, tertakluk kepada ulasan Kamar Penasihat Undang-undang Negeri **untuk satu (1) kali sahaja** dan Pegawai Pengawal hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan tersebut.

8. PENGUATKUASAAN DAN PEMATUHAN

- 8.1 **Pekeliling ini berkuat kuasa pada 01 Februari 2026** dan hendaklah dipatuhi oleh semua Jabatan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Badan Berkanun Negeri.
- 8.2 Melainkan dinyatakan di dalam pekeliling ini, lain-lain peraturan dan tatacara berhubung perolehan perkhidmatan perunding hendaklah tertakluk kepada peraturan dan tatacara yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dari semasa ke semasa.

9. PEMBATALAN

- 9.1 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 2 Tahun 2020 adalah dibatalkan mulai tarikh pekeliling baharu ini berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

"KITA SELANGOR MAJU BERSAMA"

"SELANGOR MAJU BERSAMA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. HANIFF BIN ZAINAL ABIDIN)

D.P.M.S, D.P.S.M., J.M.W.

Pegawai Kewangan Negeri Selangor